



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

KAWALAN DENGGI TANGGONGJAWAB BERSAMA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA Bagi Minggu Epid ke 4 (25 hingga 31 Jan 2009)

Sejumlah 1,013 kes dengan 2 kematian telah dilaporkan pada minggu ke 4, tahun 2009 (25 hingga 31 Januari 2009), penurunan sebanyak 37% dibandingkan dengan kes minggu pertama tahun 2009 yang berjumlah 1,633 dengan 4 kematian. Minggu kedua melaporkan sebanyak 1,578 kes dengan 4 kematian dan minggu ketiga 1,310 dengan 5 kematian. Jumlah terkumpul sehingga 31 Januari 2009 adalah berjumlah 5,534 kes dengan 15 kematian. Berbanding dengan 3,197 kes dengan 5 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas(2008), iaitu masih tinggi pada kadar 73%. Pada minggu ini sehingga 4 Februari sejumlah 706 kes dengan 1 kematian telah dilaporkan, ini bermakna jumlah terkumpul kes sehingga 4 Februari 2009 bagi tahun 2009 adalah berjumlah 6,240 kes dengan 16 kematian berbanding dengan 3,407 kes dengan 9 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2008, masih ada peningkatan sebanyak 55%.

Secara keseluruhan kes denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan walaupun masih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2008

bagi tempoh yang sama. Daripada kes yang dilaporkan sehingga 4 Februari, 2009, sejumlah 3,835 kes dengan 10 kematian atau 61% adalah daripada Lembah Klang. Negeri Melaka sehingga 4 Februari 2009 telah melaporkan sebanyak 78 kes berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas 36 kes, masih tinggi pada kadar 116% walaupun tiada kematian dilaporkan.

Dengan kerjasama dan penglibatan semua pihak, kita dapati langkah pencegahan dan kawalan yang dijalankan telah menunjukkan sebenarnya penularan denggi boleh dibanteras. Untuk Pencegahan dan kawalan denggi yang berkesan dan cekap, ia memerlukan penglibatan untuk semua pihak. Untuk makluman, bagi tempoh sepanjang bulan Januari 2009, sejumlah 119 gotong-royong telah dijalankan di seluruh negara. Saya berharap tahap kesedaran dan penglibatan serta kerjasama yang ada sekarang ini akan berterusan. Saya yakin dengan situasi ini kita akan dapat terus mengurangkan penularan denggi. Target Kementerian Kesihatan pada tahun ini(2009) adalah untuk menurunkan kes sebanyak 10,000, saya yakin jika momentum yang sedia-ada terus bertahan, pada tahun 2009 kita akan dapat mengurangkan kes kepada 38,750 kes. Saya berharap semua pihak akan bersama KKM untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan agar target yang ditetapkan dapat dicapai. Untuk Melaka kita mensasarkan kes denggi sebanyak 700 kes bagi tahun 2009 di mana pada tahun 2008 jumlah kes adalah 830 kes, penurunan sebanyak 16%.

Sehingga 31 Januari 2009, daripada 54 `hot spot'(Wabak Denggi Melebihi 30 hari) yang dilaporkan pada minggu sebelumnya, 13 lokaliti telah bebas wabak denggi, walau bagaimana ada 3 hot-spot baru yang menjadikan jumlah terkini berjumlah 44 `hot spot'. Taburan hot spot adalah Selangor(40), WP Kuala-Lumpur(3) dan Terengganu(1). Senarai adalah seperti dalam lampiran C.

Bagi penyakit Chikungunya sebanyak 94 kes telah dilaporkan diseluruh negara pada minggu Epid ke 4 iaitu penurunan sebanyak 42 kes (30%) jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya (136 kes). Daripada jumlah tersebut, seramai 51 (54.2%) pesakit Chikungunya hanya mendapatkan rawatan pesakit luar dan selebihnya memerlukan rawatan di hospital. Tiada kes yang melibatkan kematian dilaporkan setakat ini.

Sembilan puluh empat (94) kes yang dilaporkan adalah dari 89 lokaliti di 8 buah negeri iaitu Kelantan (38 kes), Perak (19 kes), Terengganu (13 kes), Selangor (9 kes), Johor (6 kes), sementara Negeri Sembilan, Pahang dan Pulau Pinang masing-masing (3 kes).

Penyakit demam denggi dan chikungunya merupakan penyakit yang mudah merebak dan khususnya penyakit demam denggi boleh membahayakan nyawa pada pesakitnya, oleh yang demikian langkah pencegahan perlu dilakukan segera bagi mengurangkan penularan penyakit- penyakit ini di kalangan masyarakat. Langkah yang boleh dilakukan oleh setiap individu ialah seperti berikut:

- a. Periksa dan hapuskan bekas berpotensi atau tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan luar sekitar rumah sekurang-kurangnya 10 min seminggu.
- b. Membubuh bahan pembunuh jentik-jentik (temephos) di dalam bekas takungan air yang sukar dikosongkan seperti tangki air utama.
- c. Dapatkan rawatan segera apabila anda mengalami tanda penyakit demam denggi contohnya, demam, sakit badan, sakit kepala, ruam dan lain-lain di klinik berhampiran. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN Malaysia

Tarikh: 6 Februari 2009

LAMPIRAN A**Kes Denggi Dilaporkan Sehingga 4 Februari 2009**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga 4 Feb 2009	Jumlah Kes bagi tempoh sama 2008
		Minggu 3/09	Minggu 4/09		
1.	Perlis	1	6	14	16
2.	Melaka	14	20	78	36
3.	Perak	99	99	526(1)	435
4.	Sarawak	47	41	216	97
5.	Johor	53	45	312(2)	225(4)
6.	WPKL - Putrajaya	129(2)	102	590(4)	422
7.	Pahang	33	26	158	179
8.	N.Sembilan	31(1)	24	134(2)	113
9.	Sabah	31(1)	24	115(1)	103
10.	Kedah	39	30	183	104
11.	Selangor	664(1)	496(2)	3245(6)	1191(3)
12.	P.Pinang	90	64	373	158
13.	Terengganu	36	20	132	169(1)
14.	Kelantan	43	16	164	159(1)
15.	Labuan	0	0	0	0
	Jumlah	1,310(5)	1,013(2)	6,240(16)	3,407(9)

Nota:

() Kematian

LAMPIRAN B**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU EPID KE 3 DAN 4 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-4 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 3 (4-10Jan09)	Minggu 4 (11-17Jan09)		
1	Selangor	24	9	125	353
2	Kelantan	16	38	129	135
3	Perak	48	19	127	590
4	Johor	17	6	57	1,846
5	Kedah	1	0	27	181
6	Pahang	5	3	34	341
7	Pulau Pinang	5	3	33	6
8	WP KL-Putrajaya	12	0	28	27
9	Negeri Sembilan	1	3	12	176
10	Perlis	0	0	2	3
11	Melaka	0	0	0	606
12	Terengganu	7	3	20	4
13	Sarawak	0	0	0	3
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	136	94	594	4,271

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan,
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

31 Januari 2009

**SENARAI HOT-SPOT BEBAS WABAK DENGGI
PADA 31 JANUARI 2009**

SELANGOR

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilaporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Taman Kajang Perdana	MP Kajang	66	104
2	Pangsapuri Anggerik Seksyen 16	MBSA	32	102
3	Taman Sri Gombak Zon 3	MP Gombak	40	91
4	Taman Koperasi CUEPACS Bt 12	MP Kajang	47	86
5	Zon 3 Sek 16 BBB	MP Kajang	23	56
6	Taman Serdang Perdana	MPSJ	14	45
7	Tmn. Industri Mega	MP Kajang	36	41
8	Taman Samudera Timur	MP Gombak	9	36
9	Seksyen 10	MBSA	6	30
10	Taman Seroja Zone A	Sepang	8	30
	JUMLAH		281	104

PUTRAJAYA / WP KUALA LUMPUR

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilaporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Bdr. Sri. Permaisuri (Mentari, Lestari, Cendana)	Zon Cheras	7	37
	JUMLAH		7	37

PAHANG

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilaporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Tmn. Mahkota Bkt. Sekilau	Kuantan	5	30
	JUMLAH		5	30

PERAK

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Tmn. Mewah Kamunting	Majlis Per. Taiping	6	39
	JUMLAH		6	39

**SENARAI LOKALITI YANG MELAPORKAN PENULARAN KES DENGGI
MELEBIHI TEMPOH SEBULAN**

SELANGOR

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilaporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Seksyen 7, Flat C	MP Petaling	71	131
2	Seksyen 7, Flat A	MP Petaling	57	109
3	Zon 1 Taman Sepakat Indah	MP Kajang	55	99
4	Taman Semenyih Indah	MP Kajang	20	94
5	Flat 18/43 (Eps 2)*	MBSA	22	90
6	Taman Cheras Jaya	MP Kajang	33	88
7	Seksyen 7, Teres A	MP Petaling	43	84
8	Seksyen 18, Teres A	MP Petaling	36	81
9	Taman Kajang Baru	MP Kajang	25	81
10	Sek 2 Bandar Sri Putra	MP Kajang	23	76
11	Padang Jawa B	MBSA	25	72
12	Flat 18/3(Eps 2)	MBSA	22	67
13	Taman Kajang Jaya	MP Kajang	19	67
14	Zon 1 Seksyen 8 BBB	MP Kajang	45	67
15	Sek 3 Bandar Sri Putra*	Puchong	23	66
16	Padang Jawa C	MBSA	44	65
17	Kg Laksamana	MP Gombak	32	64
18	Taman Puchong Perdana	MP S Jaya	26	60
19	Zon 4 Taman Bukit Mewah	MP Kajang	26	60
20	Flat PKNS Seksyen 20	MBSA	18	53
21	Apt Perdana , Seksyen 13	MBSA	26	52
22	Lokaliti 1, Bandar Baru Batang Kali	Hulu Selangor	12	51
23	Sek 2 Bandar Rinching	MP Kajang	22	51
24	SEK U3, Subang Perdana	MP Petaling	29	51
25	Seksyen 11	MBSA	23	51
26	Teres A Seksyen 25	MBSA	37	51
27	Bandar Baru Selayang F2	MP Gombak	45	48

28	Flat Seksyen 6	MBSA	14	48
29	Seksyen U10 Puncak Perdana	MP Petaling	13	47
30	Kg Sg Kantan Kajang	Hulu Langat	16	45
31	Taman Pinggiran Bt Caves Z2	MP Gombak	6	44
32	Seksyen 18, Teres B	MP Petaling	15	41
33	Taman Sri Jelok	MP Kajang	16	40
34	Kuarters Penjara Kajang	Hulu Langat	17	37
35	Teres C Seksyen 27	MBSA	15	37
36	Zon 5 Seksyen 16 BBB	MP Kajang	19	37
37	Taman Alam Indah Seksyen 33	MBSA	18	36
38	Taman Zamrud	MP Kajang	7	36
39	Teres A Seksyen 8	MBSA	10	36
40	Teres D seksyen 24*		29	34
	JUMLAH		1054	131

*Hot spot baru pada minggu Epid 4

**PUTRAJAYA / WP KUALA
LUMPUR**

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Flat Sentul Utama	Zon Pusat Bandar	17	51
2	Bdr. Baru Sentul (Menara Orkid)	Zon Pusat Bandar	18	45
3	Taman Setiawangsa Kws (F)	Zon Setapak	14	54
	JUMLAH		50	54

TERENGGANU

No.	Lokaliti	Majlis Perbandaran	Bil kes Dilporkan	Tempoh Wabak (Hari)
1	Kampung Gelong Bilal	MBKT	5	30
	JUMLAH		5	30

